



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERSEPSI PELAJAR DAN GURU TERHADAP PROGRAM  
RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN  
DI SEKOLAH MENENGAH, KUALA LUMPUR***

***RAHAYU BINTI ARIFFIN***

**FPP 2015 67**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI PELAJAR DAN GURU TERHADAP PROGRAM RANCANGAN  
INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN DI SEKOLAH MENENGAH,  
KUALA LUMPUR**

Oleh

**RAHAYU BINTI ARIFFIN**

**September 2014**

**Pengerusi : Ramli bin Basri, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan program RIMUP terhadap integrasi kaum dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian meninjau persepsi pelajar seramai 356 orang yang telah mengikuti aktiviti program RIMUP selama tiga tahun. Persepsi guru seramai 162 orang juga dikaji kerana mereka merupakan pelaksana aktiviti program RIMUP. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan reka bentuk *ex pos facto*, serta kaedah pengumpulan data secara tinjauan. Alat kajian adalah borang soal selidik yang mengukur integrasi kaum dalam kalangan pelajar dalam lima dimensi integrasi program RIMUP: Integrasi Umum (IU); Integrasi Belajar (IB); Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR); Integrasi Bina Negara dan Patriotisme (IBNDP); dan Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP). Dapatan kajian menunjukkan pelajar berpersepsi bahawa wujudnya peningkatan integrasi kaum yang ketara dalam kelima-lima dimensi integrasi yang terdapat di dalam aktiviti program RIMUP. Secara keseluruhannya, Integrasi Belajar (IB) menunjukkan peningkatan tahap integrasi yang paling tinggi dan ini diikuti dengan Integrasi Umum (IU), Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR), Integrasi Bina Negara dan Patriotisme (IBNDP) dan integrasi Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP). Dalam kajian ini instrumen Ramli et al ( 2010 ) telah digunakan dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian iaitu dari aspek kategori sekolah. Ujian inferensi yang digunakan ialah analisis ujian t berpasangan, ujian t bebas dan Anova Sehalu.

Dapatan kajian menunjukkan tahap integrasi kaum berdasarkan jantina secara keseluruhannya menunjukkan tahap integrasi pelajar perempuan adalah lebih tinggi dari pelajar lelaki sebelum mengikuti aktiviti RIMUP. Tahap integrasi ini meningkat selepas mengikuti aktiviti RIMUP dan pada masa yang sama tahap integrasi pelajar perempuan masih lebih tinggi berbanding pelajar lelaki selepas mengikuti aktiviti

RIMUP. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan tentang tahap integrasi berdasarkan aspek etnik sebelum pelajar mengikuti aktiviti RIMUP. Selepas pelajar mengikuti aktiviti tersebut tidak terdapat perbezaan yang signifikan, walaubagaimanapun terdapat peningkatan dalam tahap integrasi kaum selepas pelajar mengikuti aktiviti program RIMUP. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap integrasi pelajar Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar Cina dan India di dalam dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR); Integrasi Bina Negara dan Patriotisme (IBNDP); dan Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP). Di samping itu juga, terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap integrasi dengan aspek pencapaian akademik pelajar sebelum pelajar mengikuti aktiviti program RIMUP. Namun begitu, tiada perbezaan yang signifikan selepas pelajar mengikuti aktiviti tersebut. Ini menunjukkan bahawa jurang integrasi yang wujud berdasarkan etnik dan pencapaian akademik sebelum pelajar mengikuti aktiviti RIMUP telah dapat diatasi selepas mereka mengikuti aktiviti program.

Guru berpersepsi bahawa tahap integrasi pelajar pelbagai kaum yang terlibat dengan program RIMUP dalam keseluruhan dimensi adalah pada tahap yang tinggi. Semasa pelaksanaan program RIMUP, terdapat halangan-halangan atau masalah yang dihadapi oleh guru seperti kekurangan sumber kewangan, kekurangan masa, kekurangan peralatan dan kurang mendapat maklumat mengenai Program RIMUP.

Terdapat implikasi praktikal dan teoritikal di dalam kajian ini. Di antara implikasi praktikal ialah pihak sekolah bekerjasama dengan pihak PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) untuk memperluaskan lagi penyertaan pelajar pelbagai kaum di dalam aktiviti program RIMUP. Selain itu, implikasi teorikal di dalam kajian ini mendapati bahawa dapatan kajian adalah selaras dengan teori integrasi iaitu Teori Perhubungan Sosial. Kajian juga mencadangkan supaya program RIMUP diperkasakan melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan seperti pihak media massa, badan-badan bukan kerajaan (*NGO*), swasta dan korporat. Ini adalah penting kerana semua pihak perlu berganding bahu untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan aktiviti program RIMUP di sekolah.

Thesis abstract presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**STUDENTS' AND TEACHERS' PERCEPTION TOWARD  
PUPILS INTEGRATION FOR UNITY PLAN IN SECONDARY SCHOOLS IN  
KUALA LUMPUR**

By

**RAHAYU BINTI ARIFFIN**

**September 2014**

**Chairman : Ramli bin Basri, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

This study aim to determines the effects of PIUP towards racial integration in secondary schools based on the views of 356 students who had undergone a three-year PIUP period in schools and 162 teachers who had implemented the programme in schools. This study is descriptive in nature and engages the use of *ex pos facto* design. Data was collected via the survey method. The instrument is a questionnaire that measures racial integration among students in five PIUP dimensional integration programme such as General Integration (GI) ; Integration of Study (IS) ; Integration Of Cultures And Customs ( ICNC) ; Country and Patriotism Integration Architecture (CPIA) ; Community Care Integration (CCI) . The results indicated that students perceived there was a significant increase in racial integration in the five dimensional integration areas available in the PIUP activities. Overall, the Integration of Study (IS) showed the highest level of integration and this was followed by General Integration (GI), Integration of Cultures and Customs (ICNC), Country and Patriotism Integration Architecture (CPIA) and Community Care Integration (CCI). The instrument used was adapted from Ramli et al (2010) that has been modified in category of school. Inferential test used were Paired sample t-test, Independent sample t-test and One-way Anova analysis.

Gender wise, this study showed that female students posses a higher level of racial integration before they pursued the PIUP activities compared to their male counterparts. The level of racial integration increased significantly after they pursued the activities especially for the female students compared to the male students. In addition, there are significant differences between the level of integration and the ethnical aspect before the students pursued the PIUP activity. However, after

students had undergone such activities, there are no significance difference between the level of integration and the ethnical however study showed that the level of racial integration among multiethnic students were increased. The findings showed that the level of integration for three dimensions such as Integration of Cultures and Customs (ICNC), Country and Patriotism Integration Architecture (CPIA) and Community Care Integration (CCI) were significant and the level of integration of the Malay students were high compared to the Chinese and the Indian students.

Furthermore, there are significant differences between the level of racial integration and students' academic achievement before the students engaged in the PIUP activities. However, there are no significant differences after the students had pursued these activities but the level of integration has increased. This study showed that the racial integration gap exist based on ethnic and students' academic achievement before they pursued the PIUP activities has been overcome after they had undergone the activities.

Teachers perceived that the integration of multiracial students involved with the programme as a whole in PIUP dimension is at a high level. During the implementation of the programme, there are obstacles or difficulties faced by teachers such as lack of financial resources, lack of time, lack of equipment and lack of information on the programme

There are practical and theoretical implications of this research. Among the practical implications is that the school has work with the PTA (Parent Teacher Association) to expand its multi-ethnic student participation in PIUP activities. Moreover, the theoretical implications of this study found that this finding concurrent to one of the theoretical integration; namely the Social Contact Theory to support these findings. This study also offers recommendations that will help interested parties to strengthen the programme, mentee mentoring services, the role of mass media and the involvement of non-governmental organizations (NGOs) and the private and corporate sectors.

Overall, students perceived the PIUP activities as a success in upgrading the level of integration amongst students in secondary schools. Teachers too perceived students' integration level to be generally higher. Hence, all parties need to work together to enhance the implementation of the PIUP programmes in schools.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Ramli bin Basri yang memberi bimbingan, teguran dan berkongsi pengalaman dalam menyiapkan tesis saya ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Dr Norliza bt Che Hassan yang sentiasa mendorong dan memberi semangat serta nasihat kepada saya semasa dalam proses penyiapan tesis ini. Sebenarnya sokongan dan bimbingan dari mereka telah banyak membantu menguatkan semangat saya menyiapkan penulisan tesis saya ini, segala perkongsian ilmu yang telah saya terima amat saya hargai dan sanjungi.

Jutaan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menjayakan penyelidikan dan penulisan saya. Ucapan terima kasih juga dirakamkan khas buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya.

Akhir sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada suami, rakan-rakan dan anak-anak tersayang yang selama ini telah menyokong dan memahami situasi saya di sepanjang penyediaan tesis ini. Motivasi dan dorongan yang diberikan amat bermakna kepada saya dan dengan izin ALLAH S.W.T saya diberi kekuatan untuk terus berjuang dan dipermudahkan dalam menyelesaikan tesis sarjana saya ini. Buat kalian semua, sesungguhnya jasamu akan sentiasa di kenang dan hanya ALLAH S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Sekian. Terimakasih.



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains, Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Ramli Bin Basri, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Norliza bt Che Hassan, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Professor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Mac 2015



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa :

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi di institusi lain ;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah – kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau cetakan elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah – Kaedah Universiti Putra Malaysia ( Penyelidikan ) 2012.
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah–Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah – Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan). Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: 12.3.2015

Nama dan no. matrik: RAHAYU BINTI ARIFFIN (GS 25869)

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :**

Dengan ini, perakukan bahawa :

- Penyelidikan dan penulisan teks tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi : Prof. Madya Dr Aminuddin bin Hasaan  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli : Prof.Madya Dr Sarjit Singh a/l Darshan Singh  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli : Prof. Madya Dr Ismi Arif bin Ismail  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli : Y.Bhg. Dr Mansor Mohd Nor  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

## JADUAL KANDUNGAN

### Halaman

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix

### BAB

#### 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop dan Limitasi Kajian	9
1.8	Definisi Operasional	9
1.9	Rumusan	11

#### 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pendidikan di Malaysia	
2.3	Konsep perpaduan dan integrasi	
2.2.1	Konsep Perpaduan	13
2.2.2	Konsep Integrasi	15
2.4	Teori-teori Integrasi	
2.3.1	Teori Perhubungan Sosial	16
2.3.2	Teori Kitaran Ras	18
2.3.3	Teori Bina Bangsa dan Integrasi Sosial	22
2.5	Ulasan kritikal terhadap teori integrasi	23
2.6	Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan ( RIMUP )	24
2.5.1	Matlamat dan Objektif RIMUP	25
2.5.2	Jawatankuasa RIMUP	26
2.5.3	Pelaksanaan RIMUP	27
2.5.4	Aktiviti RIMUP	28
2.5.5	Norma Khas Peruntukan Kewangan	29
2.7	Program integrasi di luar negara	30
2.7.1	Bridges A School Inter-ethnic Relation Programme	30
2.7.2	Partners Programme	31

2.7.3	Immigrant all... American all Programme	33
2.7.4	Rise of Challenge Programme	34
2.7.5	“Teaching Tolerance Through English” Summercamp	35
2.7.6	Green Circle Programme	35
2.8	Kajian-kajian Lepas	
2.8.1	Kajian dalam negara	36
2.8.2	Kajian luar negara	42
2.9	Kerangka Konsep Kesan Program RIMUP Kalangan Pelajar Terhadap Integrasi Kaum di Sekolah Menengah	43
2.10	Rumusan	44
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	45
3.2	Reka bentuk Kajian	45
3.3	Lokasi Kajian	46
3.4	Persampelan	46
3.4.1	Penetapan Sampel	46
3.4.2	Kaedah Persampelan	47
3.5	Alat Kajian	49
3.5.1	Keesahan Alat Kajian	50
3.5.2	Kebolehpercayaan Alat Kajian	51
3.6	Prosedur atau tatacara kajian	52
3.7	Penganalisan data kajian	53
3.7.1	Penganalisan data murid	53
3.7.2	Penganalisan data guru	53
3.8	Rumusan	54
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Latarbelakang Responden Kajian	55
4.3	Dapatan kajian	55
4.3.1	Persepsi pelajar berkaitan dimensi Integrasi Umum ( IU ) sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP	58
4.3.2	Persepsi pelajar berkaitan dimensi Integrasi Belajar ( IB ) sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP	59
4.3.3	Persepsi pelajar berkaitan dimensi Integrasi Bina Negara dan Patriotisme ( IBNDP ) sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP	61
4.3.4	Persepsi pelajar berkaitan dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam ( IBDAR ) sebelum dan selepas mengikuti Aktiviti program RIMUP	64
4.3.5	Persepsi pelajar berkaitan dimensi Integrasi Masyarakat Prihatin ( IMP ) sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP	65

4.3.6	Persepsi pelajar terhadap dimensi terhadap integrasi kaum secara keseluruhan sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP	67
4.3.7	Persepsi pelajar berkaitan lima dimensi Program RIMUP terhadap integrasi kaum sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP berdasarkan kepada aspek jantina	69
4.3.8	Persepsi pelajar berkaitan lima dimensi Program RIMUP terhadap integrasi kaum sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP berdasarkan kepada aspek etnik.	70
4.3.9	Persepsi pelajar berkaitan lima dimensi Program RIMUP terhadap integrasi kaum sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP berdasarkan kepada aspek pencapaian akademik	83
4.3.10	Pandangan guru secara keseluruhan terhadap Keberkesanan program RIMUP	85
4.4	Perbincangan	
4.4.1	Persepsi pelajar berkaitan tahap integrasi Keseluruhan dimensi dalam program RIMUP	94
4.4.2	Persepsi pelajar berkaitan tahap integrasi Keseluruhan dimensi berdasarkan aspek Jantina, etnik, dan tahap pencapaian akademik Pelajar	98
4.4.3	Pandangan guru terhadap tahap integrasi pelajar serta halangan-halangan yang dihadapi oleh mereka	100
4.5	Rumusan	101

## **5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	103
5.2	Rumusan	103
5.2.1	Profil Responden	104
5.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Integrasi Kaum Secara Keseluruhan Sebelum dan Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP	104
5.2.3	Persepsi Pelajar Terhadap Integrasi Secara Keseluruhan Dimensi Sebelum dan Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Jantina, Etnik dan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar	106
5.2.4	Persepsi Guru Terhadap Integrasi Pelajar Secara Keseluruhan Dimensi Mengikuti Aktiviti Program RIMUP	106
5.3	Kesimpulan	107
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	108
5.4.1	Implikasi Praktikal	108
5.4.2	Implikasi Teoritikal	109

5.5	Cadangan	110
5.5.1	Cadangan kepada KPM, JPN, PPD dan Sekolah	110
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	113
5.7	Rumusan	114

<b>BIBLIOGRAFI</b>	115
<b>LAMPIRAN</b>	121
<b>LAMPIRAN A : Soal Selidik</b>	121
<b>BIODATA PELAJAR</b>	122
<b>PENERBITAN</b>	123



## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman	
2.1	Kelompok Dan Kategori Sekolah Rendah	27
2.2	Kelompok Dan Kategori Sekolah Menengah	27
2.3	Peruntukan Kewangan Mengikut Sekolah	30
3.1	Persampelan Rawak Berstrata Mengikut Kadar	48
3.2	Persampelan Rawak Mudah	49
3.3	Dapatan Kajian Rintis Pelajar	51
3.4	Dapatan Kajian Rintis Guru	52
3.5	Intepretasi Skor Min Tahap Integrasi Pelajar	54
4.1	Taburan Responden Pelajar Mengikut Latarbelakang	56
4.2	Taburan Responden Guru Mengikut Latarbelakang	57
4.3	Min Integrasi Umum Mengikut Item Sebelum Dan Selepas Aktiviti RIMUP	59
4.4	Min Integrasi Belajar Mengikut Item Sebelum Dan Selepas Aktiviti RIMUP	61
4.5	Min Integrasi Bina Negara Dan Patriotisme Mengikut Item Sebelum Dan Selepas Aktiviti RIMUP	63
4.6	Min Integrasi Budaya dan Adat Resam Mengikut Item Sebelum Dan Selepas Aktiviti RIMUP.	65
4.7	Min Integrasi Masyarakat Prihatin Mengikut Item Sebelum Dan Selepas Aktiviti RIMUP	67
4.8	Min Integrasi Kaum Secara Keseluruhan Sebelum Dan Selepas Mengikut Aktivit Program RIMUP	68
4.9	Min Integrasi Kaum Secara Keseluruhan Sebelum dan Selepas Mengikut Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan kepada aspek jantina.(ujian t berpasangan)	69

4.10	Min integrasi kaum secara keseluruhan sebelum dan selepas mengikut aktiviti program RIMUP berdasarkan kepada aspek jantina. (ujian t bebas)	69
4.11a	Anova Sehala Secara Keseluruhan Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	70
4.11b	Pos Hoc Tukey HSD Secara Keseluruhan Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	71
4.11c	Anova Sehala Secara Keseluruhan Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	72
4.11d	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Umum Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	72
4.11e	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Umum Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	73
4.11f	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Belajar Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	73
4.11g	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Belajar Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	74
4.11h	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Bina Negara dan Patriotisme Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	74
4.11i	: Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Bina Negara dan Patriotisme Sebelum Mengikut Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	75
4.11j	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Bina Negara dan Patriotisme Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	76
4.11k	: Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Bina Negara dan Patriotisme Selepas Mengikut Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	76
4.11 l	: Anova Sehala Untuk Dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	77



4.11m : Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	78
4.11n : Anova Sehalu Untuk Dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	79
4.11o : Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Budaya dan Adat Resam Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	79
4.11p : Anova Sehalu Untuk Dimensi Integrasi Masyarakat Prihatin Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik	80
4.11q : Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Masyarakat Prihatin Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	81
4.11r : Anova Sehalu Untuk Dimensi Integrasi Masyarakat Prihatin Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	81
4.11s : Pos Hoc Tukey HSD Untuk Dimensi Integrasi Masyarakat Prihatin Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Etnik.	82
4.12a Anova Sehalu Secara Keseluruhan Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Pencapaian Akademik Pelajar.	83
4.12b Pos Hoc Tukey HSD Secara Keseluruhan Sebelum Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Pencapaian Akademik Pelajar.	84
4.12c Anova Sehalu Secara Keseluruhan Selepas Mengikuti Aktiviti Program RIMUP Berdasarkan Aspek Pencapaian Akademik Pelajar.	85
4.13 Min Integrasi Umum Mengikut Item Pandangan Guru Terhadap Pelajar.	86
4.14 Min Integrasi Belajar Mengikut Item Pandangan Guru Terhadap Pelajar	87
4.15 Min Integrasi Bina Negara dan Patriotisme Mengikut Item Pandangan Guru Terhadap Pelajar	88

4.16	Min Integrasi Budaya dan Adat Resam Mengikut Item Pandangan Guru Terhadap Pelajar	90
4.17	Min Integrasi Masyarakat Prihatin Mengikut Item Pandangan Guru Terhadap Pelajar	91
4.18	Pandangan Guru Secara Keseluruhan Terhadap Tahap Integrasi Pelajar.	92
4.19	Halangan – halangan Yang Dihadapi Oleh Guru Yang Terlibat Dalam Program RIMUP	93



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
2.1 Model Hubungan Di antara Kumpulan Etnik	14
2.2 Kontinum perhubungan sosial dalam kalangan Kumpulan	17
2.3 Teori Kitaran Hubungan	19
2.4 Kerangka Kajian Kesan Program RIMUP Dalam Kalangan Pelajar	43



## SENARAI SINGKATAN

RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
IU	Integrasi Umum
IB	Integrasi Belajar
IBNDP	Integrasi Bina Negara dan Patriotisme
IBDAR	Integrasi Budaya dan Adat Resam
IMP	Integrasi Masyarakat Prihatin
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MIR	Modal Integrasi RIMUP

## SENARAI SINGKATAN

RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
IU	Integrasi Umum
IB	Integrasi Belajar
IBNDP	Integrasi Bina Negara dan Patriotisme
IBDAR	Integrasi Budaya dan Adat Resam
IMP	Integrasi Masyarakat Prihatin
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MIR	Modal Integrasi RIMUP

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1. Pendahuluan

Akta Pendidikan 1996 adalah merupakan satu perundangan pendidikan yang lengkap sebagai persediaan dalam menghadapi perubahan pendidikan abad ke 21 serta memenuhi aspirasi Wawasan 2020. Selain itu, akta ini juga dikemaskini untuk mencapai misi negara bagi menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu dan mencapai aspirasi negara (Noriati et al, 2010). Akta Pendidikan 1996 adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan:

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran Negara.”*

Bagi merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka pelan tindakan memupuk dan memperkasakan hubungan antara kaum bersandarkan teras yang telah dibina oleh arkitek negara terdahulu iaitu Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia. Semangat Rukun Negara dan perlembagaan sering dirujuk sebagai batu tanda dalam dasar-dasar kerajaan ke arah pembinaan masyarakat berbilang kaum dan budaya yang bersatu (Shamsul Amri, 2010).

Perpaduan kaum adalah merupakan aspek yang sangat penting dalam pembangunan dan kemajuan negara Malaysia. Penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan mempunyai ciri-ciri budaya, kepercayaan dan nilai yang berbeza-beza dan bertepatan dengan takrifan sebagai masyarakat majmuk. Kepelbagaian etnik ini menuntut satu pendekatan yang membolehkan semua kumpulan etnik dapat mewujudkan perpaduan, sikap toleransi dan berusaha memajukan ekonomi dan juga menjaga kestabilan politik negara. Menurut Shamsul Amri (2010) anak kunci bagi *survival* Malaysia ialah hubungan etnik yang harmonis. Sekiranya hubungan harmonis ini tergugat maka *survival* Malaysia sebagai sebuah negara bangsa juga turut tercabar, walaupun kadar pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politiknya di tahap yang membanggakan bagi semua penduduk Malaysia.

Menurut Syed Othman Syed Omar (2005) perpaduan yang sejati adalah bermula dari sekolah dan diteruskan usaha ini dalam kalangan komuniti setempat. Sekolah merupakan agen sosialisasi sekunder yang paling penting dalam memupuk perpaduan kaum di Malaysia. Di dalam bidang sosiologi, Teori Perhubungan Sosial

oleh Gordon dalam Bennet (2007) turut memperihalkan bahawa terdapat empat perkara asas di dalam memupuk integrasi dalam kalangan pelajar di sekolah iaitu kesaksamaan status pelajar pelbagai kaum dalam pendidikan demi mencapai kecemerlangan, matlamat yang sama dalam mempereratkan hubungan di antara kaum demi kesejahteraan negara, memupuk semangat kerjasama di antara kaum dan sokongan dari institusi kerajaan dan bukan kerajaan untuk merealisasikan hubungan antara kaum. Apabila wujudnya integrasi kaum dalam kalangan pelajar di sekolah secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi akademik mereka (Bennet, 2007).

Sehubungan itu, untuk merealisasikan integrasi kaum dalam kalangan murid, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di sekolah pada tahun 1986 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005a). Program ini telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran (Utusan Malaysia, 2011). Pihak KPM amat menitikberatkan perhubungan dan persefahaman dalam kalangan pelajar pelbagai kaum di sekolah serta penglibatan guru dan masyarakat setempat di dalam menjayakan aktiviti-aktiviti Program RIMUP. Selaras dengan itu, matlamat program RIMUP adalah berkonsepkan untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005a).

Justeru itu, usaha yang gigih mesti dijana semula ke arah merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan pelajar pelbagai kaum hidup bersatu padu serta harmoni. Program RIMUP amat wajar diteruskan dengan lebih serius lagi bagi memastikan perpaduan dalam kalangan generasi muda pelbagai kaum dapat dipupuk sejak awal persekolahan lagi. Integrasi kaum bukan hanya dapat dipupuk apabila murid menempuh alam remaja iaitu dengan mewajibkan mereka menghadiri Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) malah integrasi kaum ini perlu disemai bermula di peringkat prasekolah lagi (Utusan Malaysia, 2011).

Dengan kesedaran ini program RIMUP merupakan salah satu program intervensi kerajaan yang perlu dijalankan di sekolah rendah mahupun sekolah menengah agar dapat melahirkan modal insan yang berkualiti yang sentiasa mengamalkan sikap persefahaman, tolak ansur dan hormat menghormati dalam kalangan pelajar yang terdiri dari pelbagai etnik di negara ini.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Indeks Globalisasi Ernst & Young 2010 yang meliputi tempoh kajian antara tahun 1995 hingga 2010, menunjukkan bahawa daripada aspek integrasi budaya masyarakat, Malaysia mencatat 4.13 dalam markah dari 1 hingga 10 (Berita Harian, 2011). Ini membuktikan bahawa Malaysia masih perlu berusaha dalam memupuk integrasi kaum supaya tidak terjerumus dalam konflik etnik seperti yang berlaku di pelbagai negara. Insiden konflik etnik yang berlaku di Kampung Rawa pada tahun 1998, peristiwa Kampung Medan pada tahun 2001 dan sehinggalah teretusnya demonstrasi oleh Pasukan Tindakan Hak Asasi Hindu atau Hindu Rights Action Force (HINDRAF) pada tahun 2007 telah membuktikan bahawa tahap perpaduan

etnik masih lagi rapuh dan kritikal. Tindakan yang tegas dan pantas mesti dilaksanakan agar tidak berlakunya ketegangan di antara kaum yang akan mengugat kestabilan dan keselamatan negara ( Nor Azman, 2010).

Hasnah (2009) telah memperihalkan data-data yang telah didapati oleh Jabatan Perpaduan mengenai insiden konflik sosial dari tahun 1998 sehingga 2004 menunjukkan bahawa walaupun insiden konflik kerana isu etnik atau perkauman hanya sedikit iaitu 1% sahaja, insiden-insiden lain yang melibatkan isu-isu seperti politik, ekonomi, sosial, agama dan keselamatan banyak melibatkan pelaku dari kumpulan etnik yang berbeza-beza. Pernyataan tersebut menunjukkan seolah-olah masalah konflik ini merupakan kes yang terencil dan tidak membimbangkan. Walaubagaimanapun, pihak berkuasa perlu mengambil langkah berjaga-jaga supaya insiden konflik perkauman dapat dibendung dengan segera agar integrasi kaum di negara ini akan sentiasa terjamin.

Seiring dengan perkembangan sains dan teknologi, masyarakat pada zaman ini terdedah kepada pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi. Pengaruh-pengaruh subversif yang berkaitan isu-isu konflik etnik amat mudah dilayari dari laman – laman sesawang di internet. Oleh itu, kita harus memupuk sikap toleransi dan memperoleh pemahaman yang mendalam tentang nilai, budaya dan kepercayaan setiap kumpulan etnik agar sikap prejudis, stereotaip dan etnosentrisme dapat dibendung demi kesejahteraan dan keamanan negara. Dalam hal ini, Shamsul Amri (2005) juga berpendapat bahawa Malaysia adalah sebuah negara '*on the state of stable tension*'. Situasi ini adalah berpunca dari kegagalan rakyat negara ini memahami dan menghormati hak, budaya dan adat resam pelbagai kaum. Oleh itu, semua kaum di negara ini mestilah menyemai perasaan hormat-menghormati dan toleransi sesama kaum agar prasangka perkauman tidak akan tercetus di negara ini.

Di peringkat sekolah rendah, pelajar berbagai kaum memperoleh pendidikan secara berasingan iaitu dengan terdapatnya Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJKT). Oleh itu, mereka tidak mempunyai peluang untuk berinteraksi dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi memupuk semangat muhibah, saling hormat-menghormati dan bertolak-ansur sesama mereka. Lantaran dengan kesedaran ini, program RIMUP telah diperkenalkan oleh KPM pada tahun 1986 bagi mempereratkan perpaduan kaum di kalangan pelajar di sekolah. Pelaksanaan program ini bukan hanya melibatkan agensi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) malah juga melibatkan lain-lain agensi kerajaan, bukan kerajaan, pihak swasta, masyarakat setempat dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Matlamat program RIMUP adalah untuk melahirkan generasi Malaysia yang berilmu serta memiliki jiwa dan peribadi yang unggul, bersemangat muhibah dan mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu. Selaras dengan matlamat Program RIMUP, pihak KPM telah menetapkan empat objektif yang perlu dicapai demi melahirkan generasi Malaysia yang mempunyai jatidiri yang unggul (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005a). Objektifnya ialah seperti berikut:

a) Menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, para guru dan murid serta warga sekolah dari peringkat sekolah rendah sehingga sekolah menengah dalam kegiatan khas secara bersama;



- b) Mewujudkan sikap bekerjasama, tolong-menolong dan mewujudkan suasana muhibah secara sedar dan terancang;
- c) Melahirkan persefahaman dan toleransi antara murid pelbagai kaum di sekolah;
- d) Berkongsi kemudahan, peralatan, tenaga dan kepakaran untuk menjayakan kegiatan-kegiatan khas secara bersama.

Demi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan, program RIMUP dilaksanakan melalui lima kegiatan khas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005a). Kegiatan khas tersebut meliputi:

- a) Kecemerlangan Akademik;
- b) Kesukanan dan Permainan;
- c) Perayaan dan Perhimpunan;
- d) Perkhemahan dan Lawatan ; dan
- e) Khidmat Masyarakat.

Menurut Ramli Basri et. al (2010) bagi memastikan pelajar menjalani program RIMUP dengan teratur dan terancang maka terdapat lima pengisian integrasi atau dimensi integrasi dari kegiatan khas tersebut. Semua dimensi ini apabila dianalisis akan memperlihatkan integrasi kaum dalam kalangan pelajar di sekolah. Dimensi-dimensi tersebut ialah:

- a) Integrasi Umum (IU);
- b) Integrasi Belajar (IB);
- c) Integrasi Bina Negara dan Semangat Patriotisme (IBNDP);
- d) Integrasi Budaya dan Adat Resam (IBDAR); dan
- e) Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP).

Dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) 2006-2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan bahawa peranan sistem pendidikan merupakan agen sosialisasi untuk sebilangan besar golongan muda di negara ini, maka aspek memperkasakan sistem pendidikan di sekolah-sekolah telah diberi penekanan yang sewajarnya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2001-2010, melalui teras pertamanya ialah membina negara bangsa. Ini bermatlamat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan membentuk sebuah negara bangsa (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006). Justeru itu, dengan penglibatan pelajar di dalam Program RIMUP akan dapat memupuk sikap hormat-menghormati dan toleransi dalam kalangan pelajar demi membentuk modal insan yang berkualiti dan juga membina sebuah negara bangsa yang menepati hasrat kerajaan. Selain dari PIPP, program RIMUP juga dilihat strategik dalam mentransformasikan negara. Justeru, program RIMUP juga termasuk dalam Program Transformasi Kerajaan (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

### 1.3 Penyataan Masalah

Sistem pendidikan di Malaysia yang mempunyai pelbagai corak dan rencam dari aspek implimentasinya sejak sebelum merdeka merupakan rintangan dalam memupuk perpaduan di negara ini yang merdeka lagi berdaulat. Masalah ini perlu dibendung melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang mengutamakan perpaduan negara dan nilai-nilai perpaduan. Peranan sistem pendidikan kebangsaan bukan sahaja melahirkan modal insan yang holistik tetapi mempunyai peranan yang penting untuk menyatupadukan hubungan di antara kaum. Walaupun semua pelajar menerima pendidikan di bawah sistem pendidikan kebangsaan, namun untuk melihat bahawa pelajar pelbagai kaum bercampur-gaul dan bekerjasama tidak menjadi kenyataan, terutamanya di sekolah rendah kerana mereka mendapat pendidikan di sekolah vernakular masing-masing. Malah mereka diberi pilihan untuk meneruskan pendidikan di sekolah menengah samada di Sekolah Menengah Kebangsaan atau di sekolah yang mempunyai aliran yang sama iaitu seperti Sekolah Menengah (J) Kebangsaan. Sekiranya mereka memilih Sekolah Menengah Kebangsaan maka akan wujud proses sosialisasi di antara kaum. Namun begitu, seandainya mereka meneruskan ke aliran yang sama maka mereka akan bergaul dalam kalangan kaum mereka sahaja. Oleh itu, tanggungjawab mendidik dan meyuburkan sikap bertolak-ansur dan toleransi di antara kaum perlu dipupuk sejak dari akar umbi lagi agar tidak wujud polarisasi perkauman. Perpaduan kaum dalam kalangan pelajar mesti disemai dan diperkukuhkan sejak mereka di bangku sekolah lagi agar mereka dapat mengenali jatidiri mereka yang sebenar. Dengan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program RIMUP yang bertujuan untuk mempereratkan integrasi kaum dalam kalangan pelajar di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah agar nilai perpaduan nasional akan sentiasa terpelihara di sekolah.

Menurut Chandra Muzaffar (2003), negara kita merupakan makmal yang menjalankan ujian tentang perpaduan menggunakan model *structuralist* atau *functionalist* yang membiarkan pelbagai etnik bercampur-gaul dan berinteraksi untuk menyesuaikan diri bagi mengurangkan konflik akibat persaingan mendapatkan sumber kekayaan ekonomi dan politik yang terhad. Namun begitu isu polarisasi perkauman berlaku secara berleluasa di zaman ini. Sikap tidak menghormati dan memperkotak-katikan agama dan budaya bangsa lain telah mencetuskan perasaan tidak puas hati dan perbalahan di antara sesama kaum di negara ini.

Selain itu, pemantauan yang telah dilaksanakan oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti pada tahun 2007 terhadap 125 buah sekolah di Malaysia mendapati bahawa pelaksanaan program RIMUP di sekolah-sekolah di Malaysia adalah pada tahap sederhana kerana terdapat sesetengah sekolah tidak dapat menjalankan program tersebut dengan berkesan. Dalam aspek penilaian program pula masih di tahap lemah kerana tiada pemantauan atau penilaian program yang sistematik dijalankan. Menurut Tuckman dalam Muhammad Amin (2008) tujuan penilaian sesuatu program adalah untuk memastikan program mencapai matlamat dan pada lazimnya berlaku dalam konteks yang dirancang termasuklah semua prosedur yang diikuti, semua input dan proses penetapan matlamat yang didasari penilaian sesuatu program.

Dengan kesedaran ini, kajian mengenai keberkesanan program RIMUP di peringkat sekolah menengah dilakukan agar dijadikan kayu pengukur sejauh manakah tahap integrasi pelajar sebelum dan selepas mereka mengikuti aktiviti program RIMUP.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar dan guru terhadap keberkesanan program RIMUP di sekolah menengah.

Objektif kajian secara khusus adalah seperti berikut:

1) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar berkaitan tahap integrasi pelbagai dimensi Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program tersebut. Persepsi pelajar dilihat dalam lima dimensi:

- a) Integrasi Umum (IU);
- b) Integrasi Belajar (IB);
- c) Integrasi Bina Negara & Patriotisme (IBNDP);
- d) Integrasi Budaya & Adat Resam (IBDAR); dan
- e) Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP).

2) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar terhadap tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP.

3) Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar terhadap tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mengikuti aktiviti program RIMUP berdasarkan jantina, etnik dan pencapaian akademik pelajar.

4) Untuk mengenal pasti pandangan guru terhadap tahap integrasi pelajar yang mengikuti aktiviti program RIMUP.

5) Untuk mengenal pasti halangan-halangan yang dihadapi oleh guru yang terlibat dalam program RIMUP.

## 1.5 Persoalan Kajian

Daripada objektif-objektif yang dinyatakan di atas, persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap Integrasi Umum (IU) sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 2) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap Integrasi belajar (IB) sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap Integrasi Bina Negara & Patriotisme (IBNDP) sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 4) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap Integrasi Budaya & Adat Resam (IBDAR) sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 5) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP) sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 6) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP?
- 7) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP berdasarkan aspek jantina?
- 8) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP berdasarkan aspek etnik?
- 9) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar tentang tahap integrasi secara keseluruhan sebelum dan selepas mereka mengikuti program RIMUP berdasarkan aspek pencapaian akademik pelajar?
- 10) Apakah pandangan guru terhadap tahap integrasi pelajar yang mengikuti aktiviti program RIMUP ?
- 11) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh guru yang terlibat dalam program RIMUP?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Program RIMUP merupakan satu program intervensi perpaduan yang dilaksanakan di semua sekolah rendah dan menengah berpandukan kepada Surat Pekeliling Iktisas (SPI) Bil. 10/2005: Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) KP(BS-DSR) 8787/008/2 (21) bertarikh 23 Disember 2005. Selaras dengan ini, di dalam Rancangan Malaysia ke-Sembilan, program RIMUP telah menepati hasrat kerajaan untuk mencapai objektif Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) di bawah teras yang pertama iaitu Membina Negara Bangsa. Program RIMUP juga merupakan satu program transformasi kerajaan ke arah mencapai perpaduan kaum sejajar dengan seruan kerajaan pada masa kini mengenai gagasan 1Malaysia.

Selain itu, program RIMUP yang telah dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah selama ini adalah merupakan satu program yang berlandaskan kepada Teori Perhubungan Sosial yang telah diperkenalkan oleh Gordon W. Allport (1964). Teori ini seringkali digunakan oleh pengkaji-pengkaji dari negara barat untuk mengkaji mengenai integrasi masyarakat berbilang budaya di negara mereka. Di samping itu, berdasarkan kepada dapatan kajian ini juga boleh menyumbang kepada teori-teori perpaduan seperti Teori Kitaran Hubungan Ras dan Teori Bina Negara dan Integrasi Sosial.

Oleh itu, program RIMUP merupakan satu program yang sangat penting untuk dilaksanakan di sekolah rendah mahupun menengah kerana program ini mempunyai asas yang kukuh di dalam aspek perpaduan untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu-padu. Program ini juga merupakan salah satu program yang terbaik dan wajar diteruskan dengan lebih serius agar integrasi di antara kaum akan dapat dipupuk di usia yang lebih awal agar isu polarisasi perkauman yang amat membimbangkan banyak pihak terutamanya kerajaan akan dapat dibendung dengan segera (Utusan Malaysia, 2011)

Dengan terlaksananya kajian terhadap keberkesanan program RIMUP di sekolah secara tidak langsung akan dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia menilai sejauh manakah tahap integrasi kaum di negara ini dalam kalangan generasi muda di sekolah menengah. Di samping itu, pandangan guru juga dikaji terhadap keberkesanan aktiviti Program RIMUP kerana guru merupakan pelaksana aktiviti program maka mereka telah melibatkan diri sepenuhnya agar aktiviti Program RIMUP dapat dilaksanakan dengan lancar dan sistematik. Justeru itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga boleh mengadakan penambahbaikan dari segi pelaksanaan dan penilaian terhadap aktiviti RIMUP bagi mempererat lagi integrasi pelbagai kaum di peringkat sekolah. Secara tidak langsung, pihak penggubal dan pemutus dasar juga akan dapat merangka dan merancang program-program integrasi kaum yang lebih mantap dan berkesan ke arah mewujudkan persefahaman dan hormat-menghormati dalam kalangan pelajar di alam persekolahan. Di samping itu, dapat mempertingkatkan pelaksanaan RIMUP di peringkat sekolah, daerah dan kebangsaan.

Selain itu, melalui program RIMUP bukan sahaja melahirkan modal insan yang holistik malah dapat memupuk sikap toleransi dan semangat cinta akan negara dalam kalangan pelajar pelbagai kaum di sekolah. Apabila pelajar mempunyai kesedaran

mengenai pentingnya integrasi kaum maka secara tidak langsung akan melahirkan generasi yang mempunyai jatidiri nasional yang berwibawa.

### **1.7 Skop dan limitasi kajian**

Kajian ini terhad kepada lima buah sekolah menengah harian terpilih di salah sebuah zon di Kuala Lumpur. Kajian ini tidak meliputi empat zon di Kuala Lumpur. Cuma 356 responden pelajar Tingkatan Tiga dan 165 responden guru terlibat dalam kajian ini dan dianggap memadai untuk mengkaji pandangan guru dan pelajar mengenai kesan program RIMUP terhadap integrasi kaum di sekolah-sekolah menengah harian di Kuala Lumpur.

Kajian tinjauan deskriptif ini menggunakan reka bentuk kajian '*ex post facto*'. Dalam reka bentuk ini akan wujud pemboleh ubah ekstranus dan ini akan menyukarkan pengkaji mengenal pasti dengan tepat pemboleh ubah yang mendatangkan kesan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu tahap integrasi. Pemboleh ubah ekstranus ini sering mengelirukan pengkaji. Ada kemungkinan pemboleh ubah yang telah meningkatkan tahap integrasi pelajar di sekolah adalah dari aktiviti kurikulum, ko-kurikulum atau pun aktiviti kerohanian dan peningkatan sahsiah pelajar. Oleh itu, untuk mencegah kehadiran pemboleh ubah extranus pengkaji telah menggunakan responden homogen yang telah mengikuti aktiviti program RIMUP selama tiga tahun. Selain dari itu pengkaji juga membuat andaian bahawa responden atau sampel kajian telah menjawab soal selidik dengan jujur dan ikhlas.

### **1.8 Definisi Operasional**

#### **a) Integrasi**

Integrasi merupakan satu proses mewujudkan satu identiti dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari aspek kebudayaan, sosial, pendidikan dan lokasi yang bermatlamat mencapai perpaduan negara (Ahmad, 2007).

#### **b) Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)**

RIMUP merupakan program intervensi yang dijalankan di sekolah rendah dan menengah secara sedar dan terancang. Penglibatan pelajar di dalam program tersebut akan dapat memupuk integrasi kaum melalui aktiviti-aktiviti yang meningkatkan semangat patriotisme, semangat kesukanan, memupuk sikap penyayang dan memberi pendedahan tentang budaya kaum lain. Dengan ini akan mengelakkan sentimen perkauman dalam kalangan pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005a).

Tahap integrasi pelajar di dalam kajian ini adalah diukur dengan menggunakan Modal Integrasi RIMUP (MIR) yang mengandungi lima dimensi iaitu:

**i) Integrasi Umum (IU)**

IU merupakan integrasi dalam kalangan pelajar pelbagai kaum yang meliputi tujuh item iaitu berkenalan dengan rakan lain, bergaul, kemesraan, kerjasama, tolak ansur, hormat menghormati, dan berbaik sangka. Dalam kajian ini, IU diukur dengan item-item tersebut untuk mengenalpasti interaksi, sahsiah dan adab dalam kalangan pelajar pelbagai kaum (Ramli Basri et.al, 2010).

**b) Integrasi Belajar (IB)**

IB merupakan integrasi dalam kalangan pelajar pelbagai kaum yang merangkumi lapan aspek iaitu perkongsian pengetahuan, perkongsian pengalaman, bekerjasama, saling membantu, meningkatkan minat belajar, meningkatkan keterampilan belajar, berinovasi dan saling berkreaitif. Ramli Basri et. al (2010) juga menyatakan bahawa melalui IB dapat membentuk sikap dan budaya belajar pelajar yang sistematik. Dalam kajian ini, item-item ini dijadikan sebagai alat pengukuran untuk mengukur integrasi pelajar pelbagai kaum.

**c) Integrasi Bina Negara dan Patriotisme ( IBNDP )**

IBNDP pula meliputi duabelas item iaitu cara memupuk semangat perpaduan, nama tokoh perjuangan, nama pemimpin negara, sumbangan pelbagai kaum terhadap kemerdekaan, sumbangan pelbagai kaum terhadap perpaduan, Rukun Negara, nilai murni, adat-istiadat, lagu patriotik, karya patriotik, lambang kemegahan negara dan sambutan kemerdekaan (Ramli Basri et.al, 2010). Item- item tersebut dijadikan sebagai alat pengukuran di dalam kajian ini.

**d) Integrasi Budaya dan Adat Resam ( IBDAR)**

IBDAR adalah integrasi dalam kalangan pelajar pelbagai kaum yang merangkumi sembilan item. Item-item kebolehan murid bermain permainan tradisional, menari tarian tradisional, menyanyi lagu tradisional, memainkan alat muzik tradisional, menamakan pakaian tradisional, menamakan kraftangan, membezakan makanan pelbagai kaum, menamakan hari perayaan dan membezakan adat resam pelbagai kaum diukur di dalam kajian ini (Ramli Basri et.al, 2010).

**e) Integrasi Masyarakat Prihatin (IMP)**

IMP merangkumi semangat gotong-royong, khidmat masyarakat, kesanggupan membantu, bertanggungjawab kepada masyarakat, keprihatinan dan penjagaan alam sekitar (Ramli Basri et.al 2010). Item-item semangat gotong-royong, khidmat masyarakat, kesanggupan membantu, bertanggungjawab kepada masyarakat, keprihatinan dan penjagaan alam sekitar diukur di dalam kajian ini.

## 1.9 Rumusan

Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Mereka disatukan dalam SMK setelah menerima pendidikan rendah di bawah sistem pendidikan kebangsaan yang dilaksanakan melalui tiga jenis sekolah iaitu SK, SJK (C) dan SJK (T). Apabila berlakunya pengasingan pendidikan di sekolah rendah maka pelajar perlu menyesuaikan diri dengan rakan-rakan yang berlatar belakangkan agama, bangsa dan budaya yang berlainan di sekolah menengah. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program RIMUP yang bertujuan untuk mempereratkan integrasi kaum di kalangan pelajar agar nilai perpaduan dan jati diri nasional akan sentiasa terpelihara di sekolah. Kesan program ini diukur melalui persepsi pelajar sebelum dan selepas mengikuti aktiviti-aktiviti Program RIMUP. Pandangan guru sebagai pelaksana program juga diukur terhadap keberkesanan program ini. Modal Integrasi RIMUP (MIR) digunakan untuk mengukur tahap integrasi pelajar di sekolah menengah. Justeru itu, melalui kajian ini secara langsung akan dapat memberi maklumat kepada pihak KPM untuk melakukan penambahbaikan dalam program ini.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Hamdan., Mohd Najib Ghafar., Anis Ayuni. (2004). Fostering inter group contacts among multiracial students in higher education. *Journal Of Multi-Education*.
- Aboud, F. E. (1988). *Children and prejudice*. New York: Basil Blackwell.
- Adam, E. (2002). Assesing business and marketing teachers attitudes toward Cultural Pluralism and diversity. *Journal of Career and Technical Education* 18(2).
- Ahmad Hj Kamar (2007). Konsep perpaduan dan integrasi. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin (pnyt.). *Modul hubungan etnik*, hlm. 15. Shah Alam: Pusat Penerbitan Unversiti Uitm.
- Allport, G. W. (1954). *The nature of prejudice*. Cambridge, MA: Addison Wesley.
- Amareson Munusamy (2003). *Hubungan Antara Etnik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana UPM.
- Amir Hassan Dawi (2006). Interaksi Antara Etnik di Malaysia: Rangka Perpaduan dalam Masyarakat Berpola. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Amparo, M. (2008). *Promoting Social Integration : Economic, Social and Political Dimensions with a focus on Latin America*. USA : Connecticut College.
- Azhari Jaafar (1990). *Hubungan sosial dan integrasi antara kaum : Satu Kes di Sekolah Tinggi Melaka*, Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Bennet, I.C. (2005). *Multicultural Education*. United States of America: Pearson Education.
- Bennet, I.C. (2007). *Multicultural Education*. Theory and Practice. Sixth Edition. United States of America: Pearson Education.
- BPPDP. (2005). *Laporan Kajian Integrasi Kaum Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*.
- Chandra Muzaffar (2003). Values consensus: An Approach to national unity. Dlm. Shamsul, A.B. (pnyt.) *Membina bangsa Malaysia: Jilid 3-Kebudayaan dan Nilai*, hlm 101-110, Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara.
- Deutsch, K. (1972), " Nation Building and national development : Some issues for political research," in Deutsch and Foltz. New York: Atherton.

- Fraenkel J.R & Wallen N.E (2008). *How to design and evaluate research in Education*. London: Mc Graw-Hill Higher Education.
- Faridah Salehan. (2013). *Kepimpinan Transformasi Guru Besar dan Keberkesanan Sekolah di Sekolah Berprestasi Tinggi* : UPM
- Gordon, M. (1964). *Assimilation in America life*. New York: Oxford University Press.
- Hansell.L. (2000). Putting Contact Theory Into Practice: Using The Partners Program To Develop Intercultural Competence Electronic Magazine of Multicultural Educational.
- Hasnah Hussin (2009). *Artikel Kenegaraan dan Hubungan Etnik*. Pahang : University Malaysia, Pahang.
- Hernandez B.K (1993). Restructing in a Multihethnic Environment. Dimuat yurun pada 10 Feb 2012 daripada <http://educationnorthwest.org/webfm>, 1-10
- Hill, I (2006) Student Types, School Types and combined influence on the development of intercultural understanding. *Journal of Research in International Education*, 5 (1), 5-33
- Hirschfeld,L.A. (1995). Do children have a theory of race? *Cognition*, 54, 209-252.
- Houlette, A. M., Gaertner, S. L., Johnson, K. M., Banker, B. S., Riek, B. M. (2004). Developing a More Inclusive Social Identity: An Elementary School Intervention. *Journal of Social Issues*, 60, 35-55.
- Institut Tadbiran Awam Negara (1982). *Negara Kita: Sejarah, pentadbiran awam dan Dasar-dasar pembangunan*. Kuala Lumpur: Intan.
- Jabatan Perdana Menteri (2010). Program Transformasi Kerajaan. Kuala Lumpur : PNB.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). *Membina Negara Bangsa*. Konvensyen Nasional PIPP Kedua (2008). Kertas Kerja Seminar.
- Jayum A. Jawan (1997). Perpaduan dan integrasi nasional. Dlm. Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan (pnyt). *Kenegaraan Malaysia*, hlm 234-252. Serdang : Penerbit UPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya. KPM
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005a). *Buku Panduan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. ( 2007b). *Modul aktiviti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP)*. Kecemerlangan akademik.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007c). *Modul aktiviti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) : Kesukanan dan permainan.*
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007d). *Modul aktiviti rancangan integrasi murid perpaduan (RIMUP) : Khidmat Masyarakat.*
- Kementerian Pelajaran Malaysia. ( 2007e). *Modul aktiviti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) : Kokurikulum.*
- Kementerian Pelajaran Malaysia. ( 2007f). *Modul aktiviti rancangan integrasi murid untuk perpaduan (RIMUP) : Meningkatkan patriotisme.*
- Khairul Anwar Mastor (2006). Personaliti dan ciri-ciri keutamaan penginapan pelajar berbilang kaum: Aspek penting ke arah integrasi nasional. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Killen, M., McGlothlin, H., & Lee-Kim, J. (2002). *Between individuals and culture: Individuals' evaluation of exclusion from social group.* Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Killen, M, & Stangor, C. (2001). Children's social reasoning about inclusion and exclusion in gender and race peer group context. *Child Development*, 72, 174-186.
- Kommisrud. A. (2009). *Historical Sociology : a Rokkanian approach to Eastern European development.* United Kingdom : The Rowman & Littlefield Publisher Inc
- Lijphart. (1977). *Democracy in plural societies : a comparative exploration.* United Kingdom : Yale University Press.
- Lim Chong Hin (2007). *Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur. Mc Graw Hill.
- Lyons, A.L.(2007). An assessment of social and academic integration among track and Field student-athletes of the Atlantic Coach Conference. Disertasi Ph.D. Florida State University.
- Mansor Mohamad Nor (2006). Transformasi Perhubungan Etnik di Malaysia *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Mc Gregor, J., Cooper, J.L., Smith, C.A. & Robson, P. (2000). *Strategies for Energizing large classes: From small groups to learning communities. New directions in teaching and learning.* San Francisco, CA: Jossey-Bass.

- Mohammad Amin Zakaria (2008). Penilaian pelaksanaan Model Pengayaan Seluruh sekolah untuk pelajar pintar cerdas di MRSM: Satu Kajian Kes. Tesis PHD yang diterbitkan. USM
- Mohammad Asron Mustafa (2011). RIMUP wajar diteruskan lebih serius. Utusan Malaysia, 17 Mac.
- Mohamad Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Selangor: Dawama
- Mohamad Salleh Mohamad Yassin (2006). Peranan Universiti dalam Memupuk dan Mengukuhkan Perpaduan dan Integrasi di kalangan Mahasiswa. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society* ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Nazaruddin Hj Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhad Abu Samah & Ismail Hj Mohd Rashid (2001). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Najeemah Mohamad Yusof (2006). Patterns of Social Interaction between Different Ethnic group in Malaysia Secondary School. *Jurnal Pendidik & Pendidikan*, Jilid 21, 149-164, USM, Pulau Pinang.
- Nazri Muslim dan Mohamad Sabri Haron (2006). Toleransi dalam Pendidikan Negara. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Nor azman Mohamed (2010). *Tahap Perpaduan Etnik dalam kalangan pelajar di Persekitaran Kampus*, tesis sarjana yang tidak diterbitkan, UKM.
- Noriati A. Rashid, et al. (2010). *Guru Dan Cabaran Semasa*. Shah Alam : Fajar Bakti.
- Park, R.E. (1921). *Introduction the Science of Sociology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Pettigrew, T.F. (1998). Intergroup contact theory. *Annual Review of Psychology* 49

- Pike, G.R. (1999). The effects of residential learning communities and Traditional Residential living arrangements on educational gains during the first year of College. *Journal of College Student Development* 40(3):269-284.
- Rabushka, A. (1969). Integration in a Multi – Racial Institution Ethic Attitude Among Chinese dan Malay Students at the University of Malaya Race Vol. 7. 53 – 63.
- Ramli Basri, et al. (2010). *Kajian Keberkesanan RIMUP di Sekolah Rendah di Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia: UPM, Serdang.
- Rohana Yusuf ( 2002). Sosiologi perhubungan ras dan etnik: Suatu Pendekatan Teoritikal. Dlm. Rohani Ab Ghani & Zulhilmi Paidi (pnyt). *Kenegaraan Malaysia: Isu-isu dan perkembangan*, hlm. 157-167, Janda baik: PTS Publication and Distribution Sdn Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub (2006). Inculcation of National Intergration through Preschool Education : A Case of Tabika Perpaduan Negara. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Rozumah Baharudin & Siti Nor Yaacob (2006). Penerapan Nilai-nilai Murni melalui Pendidikan Prasekolah. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2005). Making sense of national unity in Malaysia: ‘Breakdown’ versus ‘break – out’ perspectives. *In Readings on ethnic relations in a multicultural society.* , ed. Abu Daud Silong, Muhammad Kamarul Kaliban and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series1. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Shamsul A. B (2010). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Sanusi Osman (1989). *Ikatan etnik dan kelas di Malaysia*. Kuala Lumpur : UKM
- Stephenson. Carolyn (2005). *Nation Building. The Beyond Intractability Project, The Conflict Information Consortium*. University of Colorado, USA.
- Syed Othman Syed Omar (2005). Nilai murni bangsa Malaysia melalui amalan perpaduan. *In Readings on ethnic relations in a multicultural society.* ,ed.Abu Daud Silong, Muhammad Kamarul Kabilan and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 1. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM. Kuala Lumpur: Ampang Press.

Suffian A.Bakar (2011). Malaysia di tangga 27. Berita Harian, 25 Januari.

Ting Chew Peh (1979). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: DBP.

Ting Chew Peh (1987). Hubungan Ras dan Etnik: Suatu Pengantar. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.

UKM (1989). The Process of National Integration in the Education Setting, UKM, Ogos 1989.

Visbal.O. (2009). The Erosion of Stereotypes Through Intercultural Exchange Programs: testing Pettigrew's Contact Theory, tesis kedoktoran yang diterbitkan, Jerman.

Willoughby.L. (2007). Interethnic Relation : A Case Study of Senior Students at An Australian High School.

Zaid Ahmad et al. (2010), *Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor : Oxford Fajar.

Zaharah Hassan., Bahaman Abu Samah & Abu Daud Silong. (2006). Persepsi pelajar Universiti terhadap perpaduan negara. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, ed. Abu Daud Silong, Abdul Latif Samian and Zaharah Hassan, The Lifelong Learning Series 2. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang. Shah Alam: Malindo Printers Sdn. Bhd.